

23 MAR 1996

Mahathir-Proton

KURANGKAN KOS PENGELUARAN PROTON UNTUK BERSAING

TANJUNG MALIM, 23 Mac (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata kos pengeluaran kereta Proton perlu diturunkan supaya ia lebih berdaya saing daripada segi harga di pasaran dunia.

Perdana Menteri berkata, penurunan kos pengeluaran itu bagaimanapun tidak harus mengorbankan kualiti kereta Proton yang sememangnya bermutu tinggi dan mendapat pengiktirafan di Eropah.

Sementara pihak pengurusan berusaha mencari jalan menurunkan kos, beliau berharap para pekerja membantu usaha itu dengan meningkatkan daya pengeluaran, menjaga kualiti dan tidak melakukan tindakan yang merugikan mereka sendiri.

Dr Mahathir berkata demikian pada majlis pecah tanah Bandar Proton, kira-kira 3Km dari sini dan 90Km dari Kuala Lumpur. Pembinaan fasa pertama kilang kedua Proton itu akan bermula tahun ini dan dijangka siap penghujung tahun 1998.

Pengeluaran kereta bagi fasa pertama adalah kira-kira 150,000 unit setahun dan ditingkatkan kepada 250,000 unit pada tahun 2000. Kapasiti kilang itu boleh ditingkatkan kepada 500,000 unit.

Mengimbas perkembangan industri automobil negara, Perdana Menteri berkata Malaysia boleh mencapai kejayaan yang lebih besar melalui kerjasama semua pihak yang terbabit dalam industri itu.

Di negara-negara maju, katanya, perusahaan automobil mereka sudah merosot kerana sikap pekerja mereka yang keterlaluan.

"Mereka meminta layanan yang terlalu tinggi, gaji yang terlalu mahal sehingga akhirnya banyak industri automobil di Eropah gagal," katanya.

Ini menyebabkan banyak pekerja berkeenaan di Eropah menganggur sedangkan di Malaysia masalah pengangguran tidak timbul.

"Oleh itu pekerja harus menentukan kejayaan perusahaan kita," kata Dr Mahathir.

Proton misalnya tidak hanya boleh bergantung kepada pasaran tempatan untuk kereta yang dikeluarkan dari kilangnya di Behrang itu.

"Kalau kita hendak mengeluarkan 500,000 unit sebahagian besarnya hendaklah dieksport.

"Untuk mengeksport kereta kita, kita perlu kualiti yang baik, harga yang boleh menyaingi harga kereta-kereta dari negara-negara lain," katanya.

Sambil berharap kos pengeluaran tidak meningkat disebabkan desakan atau tindakan pekerja, Perdana Menteri berkata pekerja akan mendapat banyak nikmat apabila perusahaan itu berjaya.

Ketika bercakap kepada pemberita kemudian, Dr Mahathir berkata kos pengeluaran boleh dikurangkan jika usaha untuk mengeluarkan komponen tempatan dipertingkatkan.

Lebih 30,000 orang hadir pada majlis pecah tanah itu.

Mengenai projek Bandar Raya Proton yang meliputi kawasan seluas 1,600 hektar itu, Perdana Menteri yakin ia akan menggerakkan pembangunan industri yang lebih pesat di negeri Perak.

Dr Mahathir yang pada mulanya dijadualkan menaiki helikopter ke tapak projek berkata, beliau memilih untuk menggunakan kereta kerana mahu melihat persekitaran kawasan itu.

Beliau berharap Proton akan menjaga alam sekeliling projek berkeenaan dengan "mengekalkan pokok-pokok dan tanah tinggi yang boleh dikekalkan." --

BERNAMA

AZZ NMO

